



TAHUKAH ANDA?

*Penagihan dadah boleh dirawat.
Namun, ia bukanlah satu proses
yang mudah.*

Ini adalah kerana penagihan dadah sangat kompleks.

Oleh itu, rawatan & pemulihan yang disediakan perlulah meliputi aspek perubatan, psikologi, sosial, pekerjaan, perundangan dan mengambil kira latarbelakang klien yang pelbagai.

SENARAI SEMAK PENAGIHAN DADAH

Adakah Anda Atau Orang Yang Anda Sayangi Mengalami Simptom-simptom Berikut?

- Pengambilan dadah secara berterusan.
- Wujud peningkatan jumlah dos dadah yang diambil.
- Mengalami gejala tarikan.
- Sukar atau gagal mengurangkan pengambilan dadah.
- Menumpukan lebih masa untuk aktiviti penagihan dadah.
- Tidak berminat dengan aktiviti sosial, pekerjaan atau rekreasi disebabkan oleh pengambilan dadah.
- Meneruskan tabiat pengambilan dadah walaupun mengetahui ia memberi kesan yang negatif kepada diri, keluarga dan masyarakat.

Sekiranya anda atau orang yang anda sayangi mengalami 3 atau lebih simptom di atas, anda mungkin mengalami masalah penagihan dadah. Dapatkan bantuan dan hubungi kami segera.

(Sumber: The Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders IV yang diterbitkan oleh American Psychiatric Association)